

AUDIT PENGURUSAN MASJID : KAJIAN DI DAERAH PASIR PUTEH, KELANTAN

Ahmad Puhad Bin Alim & Siti Roddiah Binti Abdullah

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam Islam. Kejayaan sesebuah masjid bergantung kepada aspek pengurusannya. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada pengurusan dan pentadbiran masjid yang dilaksanakan di daerah Pasir Puteh Kelantan. Penyelidikan ini melibatkan 142 orang pentadbir dan ahli jawatankuasa di 19 buah masjid di daerah tersebut. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan set soal selidik. Soal selidik bagi kajian ini adalah menggunakan skala Likert yang mengandungi 34 item soalan. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS for windows)* versi 14.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.896. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden memberi maklum balas yang positif terhadap aspek yang dikaji. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

ABSTRACT : Mosque plays the most vital role in the Islamic institution. The successful of a mosque is depending on the bureaucracy. Hence, the aim of this study is to observe the management and administration of the mosque which is conducted in Pasir Puteh Kelantan. A total respondents consisting of administrators and the committee members in 19 mosques around Pasir Puteh participated in this research. This study is conducted through quantitative counts which used a set of questionnaire. A set of questionnaire comprises 34 Likert-scale items are used in this study. The data are analyzed by using *Statistical Packages for the Social Science (SPSS for windows)* version 14.0 in order to obtain the mode, percentage as well as mean. Based on the pilot study conducted, the value of Cronbach's Alpha shows 0.896. The overall result of the study indicates that the respondents give positive responses towards this research. At the end of the study, several recommendations are drawn and future research is suggested to the respective parties.

Katakunci : *Mosque, vital role, Islamic institution, bureaucracy, Pasir Puteh Kelantan.*

PENGENALAN

Perkataan masjid merupakan suatu yang tidak asing lagi dalam kehidupan umat Islam sama ada pada zaman dahulu mahupun sekarang. Ini kerana masjid merupakan satu institusi yang berperanan sebagai tempat bagi umat Islam melakukan ibadah solat dan tempat melakukan aktiviti-aktiviti sosial serta kemasyarakatan.

Menurut Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (2003: 3), perkataan masjid bermaksud tempat sujud iaitu tempat melaksanakan ibadah serta menyatakan pengabdian yang tulus ikhlas kepada Allah s.w.t sebagai Tuhan yang satu-satunya yang layak disembah. Menurut Muhd. Fadli Ismail (2003: 1), masjid disebut sebanyak 28 kali di dalam al-Quran dengan mengulangi perkataan *masjidun* sebanyak 20 kali, *masajida* sebanyak 6 kali dan *masjidan* 2 kali. Masjid dari segi bahasa bermaksud *tempat sujud* iaitu diambil dari perkataan perbuatan dalam Bahasa Arab *sajada-yasjudu* yang bererti sujud. Sujud adalah kemuncak kepatuhan dan penghinaan diri. Apabila seseorang itu patuh dan taat kepada Allah dia pasti akan sujud.

Institusi masjid telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi dan telah diinstitusikan secara formal di Madinah iaitu ketika sampainya Baginda ke kota itu dalam peristiwa hijrah. Menurut S.M. Darsh *et al.* (1996: 11), perkara pertama yang dilakukan oleh Baginda adalah membina masjid Quba. Bermula dari detik itulah proses membina dan membentuk masyarakat terlaksana. Rasulullah s.a.w menjadikan masjid sebagai tempat perhimpunan dan perbincangan dengan sahabat dan menjadikan masjid sebagai medium untuk baginda menerangkan tentang Islam sebagai ad-din yang syumul serta sebagai tempat untuk baginda menjelaskan wahyu yang diturunkan kepadanya.

Masjid menjadi lambang kepada syiar Islam dan menjadi pusat pengembangan ajaran Islam serta pusat perhimpunan untuk menyatupadukan umat Islam. Ini kerana di masjid umat Islam dapat beribadat dengan lebih khusyuk dan tenang, dapat mengerjakan solat berjemaah, memperolehi ilmu pengetahuan, nasihat menasihati dengan kebaikan dan kesejahteraan mereka di dunia dan di akhirat.

PERNYATAAN MASALAH

Masjid merupakan lambang utama dalam menjana kegemilangan umat Islam di sepanjang zaman. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid telah memainkan peranan yang amat besar dalam konteks membina dan memacu pembangunan umat Islam dalam pelbagai aspek. Namun begitu, perubahan masa dan zaman serta petambahan bilangan masjid dewasa ini menyebabkan peranan dan system pengurusan masjid juga menjadi semakin mencabar. Oleh sebab itu, isu pengurusan adalah sesuatu yang amat relevan dengan keperluan dan tuntutan semasa. Realiti itulah yang perlu digarap oleh semua pihak terutamanya pihak pengurusan institusi masjid yang sememangnya diamanahkan dengan tugas ke arah memakmurkan masjid melalui perancangan dan pengurusan yang berkualiti dan sistematik.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, penyelidik berhasrat untuk melakukan satu kajian bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam, bentuk pengurusan dan masalah yang dihadapi dalam pengurusan yang dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam.
2. Mengenalpasti bentuk pengurusan yang dijalankan di masjid-masjid Daerah Pasir Puteh.
3. Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid.

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa kepentingan tertentu terutamanya kepada masyarakat Islam termasuklah penyelidik sendiri. Melalui kajian ini gambaran dan penjelasan dapat diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab berkenaan tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam dan bentuk pengurusan yang telah dijalankan. Perkara ini penting kerana reaksi mereka diperlukan untuk menambahbaikkan terhadap segala kekurangan dalam pengurusan masjid.

Selain itu, kajian ini boleh menjadi panduan kepada pihak pengurusan masjid bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan masjid. Kajian ini juga memberi garis panduan kepada pihak masjid supaya dapat menyusun strategi yang lebih baik dalam menganjurkan dan menjalankan sesuatu aktiviti. Di samping itu, kajian ini juga dapat memberi idea-idea baru kepada pihak

pengurusan dan pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Agama Islam bagi mempertingkatkan lagi pengurusan masjid.

Seterusnya, kajian ini dapat digunakan sebagai sebahagian daripada input penting kepada pihak yang bertanggungjawab dalam urusan pembangunan masjid. Dengan sentiasa mengemaskinikan perancangan pengurusan masjid secara berkala dan menyeluruh, usaha untuk memartabatkan masjid dalam masyarakat menjadi lebih efisien.

BATASAN DAN SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Terdapat 63 buah masjid di daerah tersebut dan hanya 19 buah masjid dipilih oleh penyelidik berdasarkan kepada senarai masjid yang diperolehi dari Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Perkara-perkara seperti masalah kewangan, kekangan masa dan bilangan populasi yang terlalu besar menyebabkan penyelidik hanya memilih 19 buah masjid daripada 63 buah masjid yang terdapat di daerah Pasir Puteh. Kajian ini hanya terbatas kepada pentadbir dan ahli jawatankuasa masjid yang menjadi responden dalam kajian ini.

Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek iaitu tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam, bentuk pengurusan yang dijalankan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif iaitu untuk mengenalpasti tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam, bentuk pengurusan yang dijalankan di masjid-masjid Daerah Pasir Puteh dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan masjid. Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 34), kajian deskriptif bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat.

Kajian ini merupakan penyelidikan untuk mendapatkan maklumat daripada responden dengan menggunakan instrumen soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kerana soal selidik dapat mengurangkan kos perbelanjaan, menjimatkan masa dan tenaga penyelidik bagi pengumpulan data. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999 : 34), maklumat dan data yang dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik boleh dikategorikan sebagai jenis kuantitatif. Maklum balas yang diperolehi daripada soal selidik berdasarkan item-item yang telah ditetapkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) For Windows* Versi 14.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min.

SAMPEL KAJIAN

Pemilihan sampel kajian ini dilakukan secara rawak mudah. Penyelidik telah mendapatkan senarai masjid bagi Daerah Pasir Puteh daripada Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Daripada senarai tersebut, penyelidik memilih sampel dengan menggunakan nombor gandaan tiga. Masjid yang berada pada nombor tersebut akan diambil dan dijadikan sebagai sampel kajian. Pihak pentadbir dan ahli jawatankuasa di semua masjid tersebut merupakan responden dalam kajian ini.

INSTRUMEN KAJIAN

Soal Selidik : Dalam kajian ini penyelidik telah memilih instrumen kajian berbentuk soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting (2005: 202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Data Sekunder : Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperolehi melalui buku-buku, majalah, akhbar dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara tempat yang menjadi rujukan penyelidik ialah Perpustakaan Sultanah Zanariah (UTM), Perpustakaan Masjid Sultan Ismail, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam (UM) Nilam Puri dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam (UM) Kuala Lumpur.

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis adalah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan kajian rintis dilakukan adalah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 218), melalui kajian rintis, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenalpasti. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu.

Untuk kajian ini, penyelidik telah membina soalan-soalan berdasarkan kepada tajuk dan objektif kajian. Item-item soal selidik ini dibincang dan disemak bersama penyelia. Penyelidik telah menjalankan kajian rintis kepada 10 orang pentadbir dan ahli jawatankuasa yang tidak termasuk dalam sampel kajian iaitu di masjid Mukim Telosan kerana sampel ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Berdasarkan analisis yang dibuat, *alpha* yang diperolehi dari kajian rintis ini ialah 0.896. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999: 100), sekiranya nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8, bermakna tahap kesahan atau kebolehpercayaan item yang diuji adalah tinggi. Ini menunjukkan soalan yang telah direkabentuk oleh penyelidik mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

ANALISIS DATA

Berdasarkan kepada jadual 4.41, terdapat tiga belas item yang telah digunakan bagi meninjau tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam. Didapati kebanyakan responden bersetuju terhadap item yang diberi berdasarkan kepada nilai min tinggi pada setiap item. Min tertinggi bagi item bahagian ini ialah pada item 10 iaitu pernyataan tentang 'merancang aktiviti dan program masjid menepati kehendak syarak' dengan min sebanyak 4.87 di mana 98.6% bersetuju dengan item ini. Terdapat satu item yang tidak mempunyai jawapan negatif daripada responden iaitu item 8. Purata min keseluruhan bahagian ini berada di tahap yang tinggi iaitu 4.59. Justeru, ia menunjukkan persoalan kajian yang pertama mendapat maklumbalas positif daripada responden.

Jadual 1 : Rumusan Dapatan Kajian Tahap Pengetahuan Pentadbir Dan Ahli Jawatankuasa Terhadap Pengurusan Masjid Dalam Islam.

Item	Perkara	Positif		Negatif		Min
		K	%	K	%	
1	Masjid yang cemerlang perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik.	140	98.6	2	1.4	4.8

2	Mengurus dan mentadbir masjid berdasarkan ketentuan syarak.	140	98.6	2	1.4	4.66
3	Seorang pengurus masjid mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan.	138	97.2	4	2.8	4.58
4	Seseorang yang dilantik mengurus tadbir masjid melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah.	141	99.3	1	0.7	4.68
5	Perlantikan pegawai dan kakitangan masjid berdasarkan kelayakan dan kepimpinan mulia.	139	97.9	3	2.1	4.62
6	Pengurusan yang berkesan dilaksanakan secara kolektif / bersama.	141	99.3	1	0.7	4.57
7	Kesatuan pemikiran penting dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pengurus.	141	99.3	1	0.7	4.5
8	Pengurusan berkesan dijalankan secara teratur dan sistematik.	142	100	-	-	4.54
9	Pengurusan kewangan masjid hendaklah mengikut peraturan dan menepati syarak.	141	99.3	1	0.7	4.69
10	Perancangan aktiviti dan program masjid menepati kehendak syarak.	140	98.6	2	1.4	4.87
11	Program dan aktiviti yang dikendalikan menarik minat dan perhatian masyarakat.	134	94.4	8	5.6	4.43
12	Kejayaan pengurusan dan pentadbiran masjid bergantung kepada sokongan masyarakat setempat.	136	95.8	6	4.2	4.47
13	Pihak pengurusan masjid merancang aktiviti bagi memenuhi keperluan masyarakat yang berbagai.	131	92.3	11	7.7	4.32
Purata Min Keseluruhan						4.59

PERBINCANGAN

Analisis dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai tahap pengetahuan pentadbir dan ahli jawatankuasa terhadap pengurusan masjid dalam Islam secara umum. Sebanyak 13 item soalan telah dikemukakan kepada responden. Dari analisis yang dilakukan, penyelidik mendapati majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pengurusan dalam Islam. Analisis keseluruhan min yang diperolehi adalah 4.59. Bagi item 1 dan item 2 iaitu 'masjid yang cemerlang perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik' dan 'mengurus dan mentadbir masjid berdasarkan ketentuan syarak' menunjukkan sebanyak 98.6% responden bersetuju. Manakala sebanyak 1.4% yang lain kurang bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan bahawa responden mengurus dan mentadbir masjid dengan baik berdasarkan peraturan yang digariskan oleh Islam.

Bagi item 3, sebanyak 97.2% responden bersetuju bahawa seseorang pengurus masjid mesti mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan. Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengurusan merupakan suatu perkara yang penting kepada setiap individu dalam sesebuah organisasi. Hal ini selari dengan pendapat Abdul Hamid Othman (2000: 141), menyatakan bahawa antara perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak pengurusan dan pentadbiran masjid ialah soal ilmu pengurusan masjid yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Ini kerana masjid merupakan tempat penyampaian dan penyebaran maklumat Islam yang betul dan tepat.

Item 4 juga menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 99.3% responden bersetuju bahawa seseorang yang dilantik mengurus tadbir masjid melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah. Dalam hal ini hanya seorang responden sahaja iaitu 0.7% kurang bersetuju. Ini menunjukkan bahawa majority pihak pentadbir dan ahli jawatankuasa mentadbir institusi masjid dengan keikhlasan dan amanah daripada Allah s.w.t. Mereka boleh dikatakan mempunyai pengetahuan dan penghayatan agama yang kukuh. Menurut Rasid Muhamad *et al.* (2008: 96), amanah adalah etika dalam pengurusan Islam yang merujuk kepada sifat menyedari bahawa tugas sebagai amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya .

Seterusnya bagi item 5, iaitu pernyataan mengenai 'perlantikan pegawai dan kakitangan masjid berdasarkan kelayakan dan kepimpinan mulia' sebanyak 97.9% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ini jelas menunjukkan responden dilantik menjadi kakitangan masjid berdasarkan kelayakan dan kepimpinan yang mereka miliki. Hal ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sulaiman Shakib *et al.* (2002: 95) yang menyatakan bahawa bagi memastikan segala pelaksanaan masjid dapat dijalankan dengan rapi, pihak Jabatan Agama Islam Negeri akan memastikan bahawa dalam perlantikan pegawai dan kakitangan masjid betul-betul berkelayakan dan mempunyai penghayatan Islam yang mantap serta berkepimpinan mulia.

Boleh dikatakan keseluruhan responden bersetuju bahawa pengurusan secara bersama dan kesatuan pemikiran merupakan perkara yang penting dalam melaksanakan tugas sebagai seorang pengurus. Hal ini berdasarkan kepada item 6 dan 7 yang menunjukkan sebanyak 99.3% responden bersetuju. Manakala hanya seorang responden (0.7%) kurang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini menunjukkan perlunya persefahaman dan penyatuan pemikiran di kalangan ahli jawatankuasa masjid dalam melaksanakan tugas mentadbir dan mengurus masjid. Persefahaman di antara satu sama lain adalah suatu perkara yang penting dalam sesebuah organisasi. Persefahaman yang terbentuk akan dapat menghindari perasaan syak wasangka, iri hati dan hasad dengki malah sebaliknya akan mewujudkan rasa kasih sayang dan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Manakala item 11, 12 dan 13 berkaitan dengan hubungan masjid dengan masyarakat setempat. Ketiga-tiga item ini juga mendapat persetujuan yang tinggi iaitu 94.4%, 95.8% dan 92.3%. Ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dirancang dan dikendalikan memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai dan menarik minat mereka. Hal ini akan membawa kejayaan kepada institusi masjid. Ini bertepatan dengan pendapat Abdul Hamid Othman (2000: 139), yang menyatakan bahawa kemantapan pengurusan dan pentadbiran intitusi masjid bergantung kepada sokongan daripada masyarakat setempat.

RUJUKAN

- Abdul Rahman bin Ahmad (2005). *Pengurusan Hadhari : Satu Anjakan Paradigma Ke Arah Pembaharuan Pengurusan Di Malaysia*. Seri Kembangan, Selangor: Human Resources Academy.
- A S Hornby (2000). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Drs. Moh.E. Ayub, Drs. Muhsin MK dan H. Ramlan Marjoned (1998). *Manejemen Masjid*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Haron Din (1996). *Umat Islam Zaman Mutakhir, Masalah Dan Penyelesaian*. Shah Alam: Times Editions.
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- Mohd Hizam Hanafiah dan Zafir Mohd Makhbul (2002). *Pengurusan Organisasi*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Muhd. Fadli Ismail (2003). *Peranan Masjid*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man. Mustafa Haji Daud (1994). *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nasoha Saabin (2001). *Memartabatkan Masjid*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rasid Muhamad, *et al.* (2008). *Pengurusan Islam, Teori Dan Praktis*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Shaharom TM Sulaiman (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Batu Caves, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar (2003). *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- S.M. Darsh, S. Hasan, M. Akram and Yusuf slam (1996). *The Role Of The Mosque In Islam*. Riyadh, Saudi Arabia: Darussalam Publishers & Distributors.
- Syed Othman Alhabshi dan Hamiza Ibrahim (2003). *Pengurusan Dan Pentadbiran: Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*. Kuala Lumpur: IKIM.